



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

RANG UNDANG-UNDANG ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2021 DILULUSKAN DI DEWAN NEGARA

Kuala Lumpur, 11 Ogos – Hari ini amat bersejarah buat negara kerana Rang Undang-Undang (RUU) Antigangguan Seksual (AGS) Tahun 2021 telah dibahaskan dan diluluskan di Dewan Negara dengan sokongan sebulat suara. Hasrat Kerajaan untuk menyediakan undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual kini semakin hampir menjadi kenyataan.

RUU AGS ini merupakan langkah pertama untuk Malaysia menyediakan persekitaran yang selamat khususnya kepada wanita dan kanak-kanak selain menghapuskan budaya menormalisasikan gangguan seksual dalam kalangan masyarakat Malaysia. Persekitaran yang selamat secara langsung akan meningkatkan pengupayaan rakyat dalam ekonomi, sosial dan politik selain memastikan mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Terdahulu, YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memaklumkan kepada ahli-ahli Dewan Negara bahawa Dewan Rakyat pada 20 Julai 2022 telah meluluskan RUU AGS ini dengan sokongan majoriti.

“Kita telah lama berkerja keras untuk menjadikan RUU ini satu kenyataan dan inilah masanya. Perjalanan menggubal RUU AGS ini merupakan bukti bahawa Kerajaan amat prihatin dan serius dalam menangani isu gangguan seksual”.
ujarnya.

Bagi tujuan pengubalan RUU Antigangguan Seksual ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mendapat kerjasama, komitmen serta sokongan penuh daripada pelbagai pihak termasuk Kementerian-kementerian dan agensi Kerajaan, pakar undang-undang, wakil Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, aktivis, dan sebagainya. Beliau turut menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dari awal pengubalan RUU ini dan berharap sinergi dan hubungan kerjasama yang telah terjalin dapat diteruskan dan diperkukuhkan lagi di masa hadapan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan RUU ini kelak.

###

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat